

Tetap definisi rumah mampu milik

REHDA Selangor kemuka isu sebelum tentukan harga kediaman

Oleh Nasuha Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Selangor (REHDA Selangor) menggesa penetapan definisi sebenar rumah mampu milik di-

buat terlebih dulu sebelum sebarang cadangan penetapan harga rumah berkenaan dilaksanakan. Pengerusi REHDA Selangor, Zulkifly Garib, berkata pada masa ini, secara umumnya, definisi rumah mampu milik merujuk kepada rumah dengan nilai ambang di bawah RM300,000 walaupun sebelum ini hartanah berharga RM500,000 juga dianggap sebagai mampu milik.

Beliau berkata, terdapat dua jenis rumah mampu-milik iaitu pertama rumah yang harga jualannya dikawal oleh kerajaan atau kerajaan negeri seperti Rumah Selangorku (RSKU) dan

rumah Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA).

Manakala, kategori kedua pula, katanya adalah rumah mampu milik yang dipacu oleh permintaan pasaran.

Justeru, beliau berkata cadangan penetapan harga rumah mampu milik adalah bergantung kepada situasi.

"Ada negeri yang jualan hartanahnya adalah di bawah nilai ambang RM300,000 tetapi tidak dikategorikan sebagai rumah mampu milik.

"Kemampuan seseorang individu untuk membeli rumah tidak bergantung kepada faktor lokali-

ti atau geografi semata-mata.

"Sebagai contoh, di Selangor, kawasan yang berbeza menawarkan nilai ambang mampu milik berbeza.

"Di kawasan seperti Subang Jaya, Petaling Jaya dan Shah Alam, harga rumah mampu milik di bawah skim RSKU juga dijual pada harga sekitar RM250,000," katanya pada sidang media Ekspo Mini Hartanah Malaysia (MAPEX) di Petaling Jaya, semalam.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamarudin, yang baru-baru ini berkata

harga rumah mampu milik bagi projek baharu di seluruh negara akan berdasarkan faktor-lokaliti dan pendapatan isi rumah di kawasan berkenaan.

Ia berikutan masalah ketidakmampuan rakyat memiliki rumah, terutama rumah mampu milik yang dikatakan berharga tinggi.

REHDA Selangor akan menganjurkan mini ekspo MAPEX Ampang dan Selayang pada 1 hingga 3 November ini di Melawati Mall serta MAPEX Shah Alam dan Klang pada 14 hingga 17 November depan di Central City Mall.

Ada negeri jualan hartanahnya di bawah RM300,000 tetapi tidak dikategorikan rumah mampu milik. Kemampuan individu membeli rumah tidak bergantung faktor geografi semata-mata.

Zulkifly Garib,
Pengerusi REHDA Selangor

TOKIO MARINE LIFE INSURANCE MALAYSIA BHD. 105901001430 (407558-R)



Harga Unit Dana Berkaitan Pelaburan dari 17 Sep 2019 hingga 16 Okt 2019

TMFJ Dana Tokio Marine Enterprise TMHJ Dana Tokio Marine Dana Khas
TMFZ Dana Tokio Marine Dana TMHJ Dana Tokio Marine Global
TMFV Dana Tokio Marine Managed TMHJ Dana Tokio Marine Luxury

Unit	17-Sep-19	18-Sep-19	19-Sep-19	20-Sep-19	21-Sep-19	22-Sep-19	23-Sep-19	24-Sep-19	25-Sep-19	26-Sep-19	27-Sep-19	28-Sep-19	29-Sep-19	30-Sep-19	1-Oct-19	2-Oct-19	3-Oct-19	4-Oct-19	7-Oct-19	8-Oct-19	9-Oct-19	10-Oct-19	11-Oct-19	14-Oct-19	15-Oct-19	16-Oct-19		
TMFJ	2.9467	2.9514	2.9433	2.9473	2.9405	2.9333	2.9345	2.9442	2.9345	2.9310	2.9378	2.9226	2.9290	2.9247	2.9268	2.9110	2.8992	2.8983	2.9167	2.9180	2.9352	2.9429	2.9383	2.9383	2.9383	2.9383	2.9429	
TMFZ	2.0298	2.0401	2.0382	2.0356	2.0306	2.0303	2.0310	2.0318	2.0345	2.0360	2.0365	2.0367	2.0376	2.0382	2.0370	2.0379	2.0379	2.0380	2.0380	2.0380	2.0390	2.0383	2.0383	2.0383	2.0383	2.0383	2.0383	2.0383
TMFV	2.7049	2.7079	2.7021	2.7026	2.6971	2.6956	2.6935	2.6999	2.6950	2.6935	2.6979	2.6885	2.6804	2.6779	2.6787	2.6817	2.6737	2.6738	2.6853	2.6924	2.6973	2.7021	2.6973	2.6973	2.6973	2.6973	2.6973	2.6973
TMHJ	1.0243	1.0244	1.0221	1.0220	1.0191	1.0196	1.0190	1.0208	1.0133	1.0200	1.0225	1.0202	1.0180	1.0175	1.0180	1.0197	1.0166	1.0177	1.0218	1.0233	1.0229	1.0258	1.0229	1.0229	1.0229	1.0229	1.0229	1.0229
TMHJ	1.5887	1.5959	1.5901	1.5899	n.a	1.5861	1.5719	1.5814	1.5727	1.5718	1.5732	1.5624	1.5538	1.5544	1.5580	1.5651	1.5584	1.5648	1.5743	n.a	1.5604	1.5667	1.5667	1.5667	1.5667	1.5667	1.5667	1.5667
TMHJ	0.3669	0.3670	0.3671	0.3632	0.3632	0.3611	0.3628	0.3623	0.3588	0.3606	0.3587	0.3549	0.3554	0.3578	0.3579	0.3543	0.3566	0.3580	0.3606	0.3611	0.3611	0.3638	0.3638	0.3638	0.3638	0.3638	0.3638	0.3638

Setera, Harga unit dan jumlah unit di bawah ini adalah untuk maklumat sahaja. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi kami di www.tokiomarine.com

Nota: Kemampuan harga unit berbeza-beda pada hari berbeza. Harga unit ini adalah untuk maklumat sahaja.